

GARIS PANDUAN PENEMPATAN MANGSA KEBAKARAN BENCANA RUMAH

1.0 PENGENALAN

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 21 Mei 2010 dan disahkan pada 26 Mei 2010 telah meluluskan Kertas Bil. 461/2010 Garis Panduan Penempatan Sementara Bagi Mangsa-Mangsa Kes Kecemasan

Bahagian Perumahan akan menjadi salah satu tempat rujukan untuk penempatan mangsa-mangsa kes-kes kecemasan oleh jabatan-jabatan tertentu seperti Pejabat Daerah apabila berlakunya kes-kes kecemasan seperti kebakaran. Sekiranya terdapat permintaan daripada pihak berkenaan bagi penempatan sementara mangsa yang terlibat, Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) akan menyediakan penempatan sementara tersebut.

Penempatan sementara ini adalah bertujuan untuk membantu mangsa yang terlibat dengan kes-kes kecemasan agar dapat meringankan beban mereka setelah menghadapi bencana. Dengan adanya penempatan sementara ini, ianya diharap dapat dapat membantu mangsa untuk mencari tempat tinggal yang baru setelah kehilangan tempat tinggal mereka.

2.0 PELAN TINDAKAN

Penempatan sementara akan disediakan kepada mangsa bencana setelah mendapat pengesahan daripada Pejabat Daerah dan laporan polis yang mengesahkan bahawa mangsa berkenaan terlibat dengan kes-kes kecemasan seperti kebakaran, banjir atau kemusnahan tempat tinggal.

Lokasi penempatan sementara ini adalah di rumah sewa Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan rumah sewa Kerajaan Negeri yang telah disediakan oleh Bahagian Perumahan. Tempoh penempatan sementara ini adalah selama ^bulan sahaja (3 bulan diduduki secara percuma dan 3 bulan perlu membayar sewa) dan setelah tamat tempoh penempatan sementara , mangsa perlu mengosongkan unit tersebut.

3.0 SYARAT-SYARAT PENEMPATAN SEMENTARA

- a) Dalam tempoh penempatan sementara ini mangsa yang terlibat dikecualikan membayar wang pendahuluan (2 bulan sewa) dan sewa bulan semasa
- b) Mangsa perlu membayar wang deposit utiliti sebanyak RM 100.00
- c) Sebarang pengubahsuaian ke atas unit yang disediakan tidak dibenarkan oleh Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP).